



# LEMBAGA GETAH MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah yang masih dibenarkan membuat sebutharga bagi bekalan berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
<b>LGM/SH/ BTK/29/ 2019</b>	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENTAULIAH SATU (1) UNIT MOONEY VISCOMETER DI KILANG BARANGAN GETAH, BAHAGIAN TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN, LEMBAGA GETAH MALAYSIA.	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):  060501 Atau 060502	Tarikh Taklimat : <b>28 Mei 2019</b> Masa : <b>10.00 pagi</b> Tempat : Kilang Barangan Getah, Pusat Teknologi Getah, Lembaga Getah Malaysia 47000 Sg Buloh, Selangor.  Tarikh Jualan : 28 Mei (selepas taklimat) – 31 Mei 2019 10 Jun – 21 Jun 2019 Masa : 10.00 Pagi – 4.00 Petang Tempat : Pejabat PA, Bahagian Teknologi & Kejuruteraan (BTK), Lembaga Getah Malaysia 47000 Sg Buloh, Selangor,
<b>Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN</b>			

Hanya penama yang tercatat di dalam sijil-sijil asal MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat atau lawatan tapak. Syarikat-syarikat tidak boleh mewakili kakitangan selain dari penama yang tercatat pada sijil. Syarikat-syarikat diwajibkan membawa bersama sijil pendaftaran MOF, sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) (asal/salinan yang diperakui sah) semasa taklimat atau lawatan tapak.

Dokumen sebutharga boleh dibeli pada waktu pejabat dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan sebelum atau pada 1 Julai 2019, jam 12.00 tengahari.

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)  
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  
(Peti No. 3 & 4)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.